

### PruBSN Microtakaful Jariah (MTJ)

#### 1. Apakah itu PruBSN Microtakaful Jariah (MTJ)?

PruBSN Microtakaful Jariah (MTJ) adalah satu inisiatif yang ditawarkan melalui PruBSN Prihatin, iaitu badan amal PruBSN yang bukan berasaskan keuntungan. Ianya perlindungan asas takaful keluarga percuma bertempoh selama 12 bulan kepada golongan miskin tegar dan miskin. Dana bagi program ini adalah daripada dana amal PruBSN Prihatin.

PruBSN Prihatin bekerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) untuk mengenalpasti golongan miskin tegar dan miskin yang layak serta berdaftar dengan pangkalan data kemiskinan nasional *eKasih*, serta akan turut membantu menguruskan pengedaran perlindungan takaful ini kepada penerima.

#### 2. Apakah yang ditawarkan oleh MTJ/ Apakah manfaat yang diperolehi menerusi skim ini?

- Perlindungan takaful percuma bertempoh 1 tahun untuk manfaat kematian sebanyak RM10,000 atas semua sebab kematian (kecuali bunuh diri).
- Pembayaran wang manfaat RM10,000 apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh perlindungan

#### 3. Siapakah yang layak menerima bantuan skim MTJ?

- Penerima mestilah berdaftar dengan *eKasih* di bawah kategori keluarga miskin tegar atau miskin;
- Ketua isi rumah (KIR);
- Berumur antara 19 hingga 50 tahun; dan
- Mempunyai tanggungan.

#### 4. Bagaimanakah cara saya mengetahui bahawa saya telah menerima perlindungan MTJ?

Mereka yang layak untuk skim PruBSN Microtakaful Jariah akan dimaklumkan melalui SMS pada hari pertama tempoh perlindungan bermula dan akan disusuli surat tawaran berserta kad yang dihantar ke alamat yang direkodkan di *eKasih*. Jika anda telah menerima SMS, tetapi masih tidak menerima surat tawaran selepas 1 bulan dari tarikh SMS diterima, anda boleh e-mel kami di [microtakaful@prubsn.com.my](mailto:microtakaful@prubsn.com.my) atau hubungi talian PruBSN Microtakaful Jariah di **03-2778 2157** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## 5. Bilakah tarikh kuatkuasa perlindungan MTJ?

Pengagihan MTJ dilakukan secara berperingkat mengikut zon dan negeri. Sila semak di muka surat pertama surat tawaran yang anda terima untuk menyemak tarikh kuatkuasa perlindungan MTJ seperti **contoh** di bawah:

**PRUDENTIAL BSN**  
TAKAFUL

Ref : NS1- NS/0009

MAZLI BIN MAHADI  
NO 6  
KG KEPIS TENGAH, AIR KEMPAS  
73100 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN

1 Disember 2019

Dear Sir/Madam / Tuan/ Puan,

**Coverage under PruBSN Microtakaful Jariyah / Perlindungan di bawah PruBSN Microtakaful Jariyah**

We are pleased to inform you that you have been selected by PruBSN Prihatin to receive a special takaful protection plan made complimentary to you to ease the burden of your family should the unforeseen happen. This takaful benefit will be made available to your family to be used for their survival moving forward.

Dengan sukacitanya kami ingin memaklumkan yang anda telah dipilih oleh PruBSN Prihatin untuk menerima suatu pelan perlindungan takaful khas untuk anda bagi mengurangkan bebanan keluarga anda sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku. Manfaat takaful ini boleh digunakan untuk kelangsungan hidup keluarga anda pada masa hadapan.

The following are some important information on the coverage and benefits under the protection plan:  
Di bawah adalah maklumat-maklumat penting berkenaan dengan perlindungan dan manfaat-manfaat di bawah pelan tersebut:

<u>Benefits / Manfaat-manfaat:</u>	<u>Sum Covered / Jumlah Yang Dilindungi</u>
Death Benefit / Manfaat Kematian	RM 10,000
<u>Term of Coverage / Tempoh Manfaat:</u>	365 days starting from Commencement Date / 365 hari bermula dari Tarikh Permulaan
<u>Commencement Date / Tarikh Permulaan:</u>	01 Disember 2019
<u>Expiry Date / Tarikh Tamat Tempoh</u>	30 November 2020

To understand the coverage better and to learn of the terms and conditions involved, please read the Appendix included together with this document. We also include the coverage card which will be used as your proof of takaful coverage with us. Please keep the entirety of this document and the Microtakaful Card in a secure place to facilitate any claim process in the future.

**\*Anda juga dinasihatkan untuk membaca dengan teliti surat tawaran yang diterima serta memahami sepenuhnya perlindungan PruBSN Microtakaful Jariyah yang ditawarkan.**

## 6. Apakah dokumen-dokumen yang akan diterima oleh penerima perlindungan PruBSN Microtakaful Jariyah?

Apabila anda menerima surat daripada PruBSN Microtakaful Jariyah, sila pastikan anda memperolehi kesemua 4 dokumen seperti di bawah:

### i. Surat tawaran PruBSN Microtakaful Jariyah;

**PRUDENTIAL BSN**  
TAKAFUL

Ref : <Ref Number>

<<Covered Member's Name>>  
<<Covered Member's Address 1>>  
<<Covered Member's Address 2>>  
<<Covered Member's Address 3>>  
<<Covered Member's Address 4>>

<<dd mmmm yyyy>>

Dear Sir/Madam / Tuan/ Puan,

**Coverage under PruBSN Microtakaful Jariyah / Perlindungan di bawah PruBSN Microtakaful Jariyah**

We are pleased to inform you that you have been selected by PruBSN Prihatin to receive a special takaful protection plan made complimentary to you to ease the burden of your family should the unforeseen happen. This takaful benefit will be made available to your family to be used for their survival moving forward.

Surat tawaran pelan perlindungan PruBSN Microtakaful Jariyah disediakan di dalam dwi-Bahasa: Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

ii. Kad PruBSN Microtakaful Jariah;



Nota penting mengenai kad PruBSN Microtakaful Jariah:

- Kad ini **tidak boleh digunakan untuk tujuan pengeluaran wang tunai (kad ATM)** di mana-mana cawangan bank.
- Kad ini disediakan untuk kemudahan penerima pelan dan boleh dibawa kemana-mana sahaja **sebagai rujukan**.
- Kad ini **memaparkan nombor talian untuk dihubungi** bagi memudahkan penerima atau waris penerima pelan perlindungan PruBSN Microtakaful Jariah untuk menghubungi pihak PruBSN bagi tujuan pertanyaan dan laporan tuntutan manfaat kematian.
- Penerima pelan harus **memaklumkan kepada pewaris yang dinamakan mengenai kad** ini bagi memudahkan pewaris menghubungi pihak PruBSN untuk melaporkan kematian.

iii. Boorang penamaan PruBSN Microtakatul Jariyah:

**PRUDENTIAL BSN** Covered Person's name / Nama Orang Yang Dilindungi Identification Number / No. Pengenalan Diri  
**TAKAFUL**

**NOMINATION FORM** (Please complete in CAPITAL LETTERS using BLACK ink only)  
**BOORANG PENAMAAN** (Sila isi dengan menggunakan HURUF BESAR dan dilawat HITAM sahaja)

**SECTION A: IMPORTANT NOTES FOR NOMINATION / SEKSYEN A: NOTA PENTING UNTUK PENAMAAN**

- You have the right to deal with, modify or terminate the coverage under the Takaful Certificate without the consent of any nominee. Anda mempunyai hak untuk berurusan, mengubahsuai atau menamatkan perlindungan di bawah Sijil Takaful tersebut tanpa persetujuan mana-mana penama.
- From time to time, you are advised to examine if the nomination with this form remains relevant to your specific circumstance and to terminate or replace if necessary. Dari masa ke semasa, anda hendaklah memeriksa sama ada penamaan yang dibuat menurut boorang ini masih sesuai dengan keadaan hidup anda, dan menamatkan atau menggantikannya sekiranya ia tidak lagi sesuai.
- If only one nominee is named, such a nominee would receive the entire amount of certificate monies. If two or more nominees are named, the certificate owner may specify the percentage of the certificate monies that is intended for each nominee and if no percentage is stated, all the nominees will receive in equal shares. Jika hanya satu penamaan dibuat, peserta boleh menyatakan peratusan dari jumlah wang sijil untuk dibayar kepada setiap penama dan jika tiada peratusan dinyatakan, semua penama akan menerima bahagian yang sama rata.
- Please tick (✓) one ONLY / Sila tandakan (✓) satu SAHAJA.  
 Wasi (Executor) / Pelaksana  
The nominee shall be assigned to receive the certificate monies under the Takaful Certificate as a Wasi (Executor) and shall distribute the certificate monies in accordance to the Islamic Law of Inheritance (Faraidh) or Probate and Administration Act 1959 [Act 97], whichever is applicable.  
Penama akan menerima wang sijil di bawah Sijil Takaful ini sebagai Wasi (Pelaksana) dan hendaklah mengagihkan wang sijil mengikut Undang-undang Islam Pusaka (Faraidh) atau Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97], yang mana berkenaan.  
 Beneficiary under Conditional Hibah (Gift) / Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat  
The nominee shall receive the certificate monies under the Takaful Certificate as a beneficiary under conditional hibah and shall be entitled to the certificate monies in accordance with the percentage given.  
Penama akan menerima wang sijil di bawah Sijil Takaful ini sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat dan berhak ke atas wang sijil mengikut peratusan yang diberikan.
- You are advised to inform your nominee about the Takaful Certificate and the nomination under this form. Anda dinasihatkan untuk memaklumkan penama anda tentang Sijil Takaful dan penamaan selepas boorang ini dilengkapkan.
- Prudential BSN Takaful Berhad (hereinafter referred as "We", "Us", "Our") will be discharged from all liabilities once the certificate monies is paid to the nominee, Public Trustee or Trust Company. Prudential BSN Takaful Berhad (diikuti sebagai "Kami") akan bebas daripada semua liabiliti setelah wang sijil dibayar kepada penama, Amanah Awam atau Syarikat Pemegang Amanah.

**PRIVACY NOTICE / NOTIS PRIVASI**

We will process the personal data provided by you in this form and it is obligatory for you to provide the personal data required herein. If you fail to provide such data, we will not be able to process your application. We will process the personal data for the purposes of processing, assessing and determining your application or carrying out any activity in relation to or in connection with carrying out our duties as a Takaful operator.

Kami akan memproses data peribadi yang diberikan oleh anda dalam boorang ini dan ia adalah wajib untuk anda membuat data peribadi yang dikehendaki kepada kami. Jika anda gagal berbuat demikian, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda. Kami akan memproses data peribadi bagi tujuan pemrosesan, penilaian dan menamatkan permohonan anda atau menjalankan sebarang aktiviti yang berkaitan dengan operasi kami sebagai pengawal takaful.

We may share the data with our related, associated or affiliated companies (this includes entity within the Prudential Group of Companies or Bank Simpanan Nasional, Group of Companies), service providers under contract who help with our business operations (including those overseas), any person, who is under a duty of confidentiality and who has undertaken to keep such data confidential; and any person consented by you or to whom we are under an obligation to make disclosure under the requirements of any law, rules, regulations, court order, codes of practice or guidelines binding on us including, without limitation, any applicable regulatory, governmental bodies, or industry recognised bodies such as the Life Insurance Association of Malaysia and Malaysian Takaful Association, and where otherwise required by law.

Kami mungkin akan berkongsi data tersebut dengan syarikat berkaitan, sekutu atau gabungan kami (termasuk entiti dalam Syarikat Kumpulan Prudential atau Syarikat Kumpulan Bank Simpanan Nasional), pembekal perkhidmatan di bawah kontrak yang membantu operasi pengurusan kami (termasuk yang di luar negara), mana-mana individu, yang bertanggungjawab memegang kawalan dan telah berjanji untuk menyimpan data tersebut secara sulit; dan mana-mana individu yang dibenarkan oleh anda atau kepada sesiapa yang mana kami mempunyai kewajipan untuk membuat pendedahan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, perintah mahkamah, kod praktik atau garis panduan yang kami terikat dengannya termasuk, tanpa terhad, mana-mana pegawai atau ahli keluarga, badan kerajaan atau badan yang diiktiraf oleh industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia, dan jika dikehendaki oleh undang-undang.

We reserve the right to disclose your personal data if required to do so by law, or in the good faith believe that such action is reasonably necessary to comply with the legal process, respond to claims, or to protect the rights, property or safety of our company, our employees, customers, or the public. If we are merged or acquired by another entity, personally identifiable information may be transferred to such entity as part of the merger or acquisition. If you are supplying personal data of other parties such as your family members, legal guardians, nominees, directors, shareholders or officers, please do ensure that you have obtained their consent and bring this notice to their attention.

Kami berhak menedahkan data peribadi anda sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang, atau secara jujur percaya bahawa tindakan tersebut adalah perlu dan munafik bagi mematu proses undang-undang, menjawab tuntutan, atau untuk melindungi hak, harta atau keselamatan syarikat kami, pekerja kami, pelanggan, atau orang awam. Jika kami bergabung atau diambil alih oleh entiti yang lain, maklumat peribadi anda yang dikenal pasti mungkin dipindahkan kepada entiti tersebut sebagai sebahagian daripada gabungan atau pengambilalihan. Jika anda membekalkan data peribadi pihak-pihak lain seperti ahli keluarga, penjawat, badan kerajaan atau pegawai, sila pastikan anda telah mendapat kelulusan mereka dan membawa notis ini untuk perhatian mereka.

Where you elect to limit our right to process the personal data, you may contact us. For avoidance of doubt, the withdrawal or limitation does not include processing of mandatory personal data. This notice shall be read together with our Privacy Policy on our website, [www.pruhsn.com.my](http://www.pruhsn.com.my) and our Privacy Notice in our Proposal Form. If you have any question about this notice, please contact:  
Microtakaful Office, E-mail: [microtakaful@prubsn.com.my](mailto:microtakaful@prubsn.com.my) | Telephone: 03 2778 2157

Jika anda memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses data peribadi, anda boleh berbuat demikian secara bertulis kepada kami. Untuk mengagihkan keterangan, penaklukan baki atau pembatalan tidak termasuk memproses data peribadi yang wajib. Notis ini hendaklah dibaca bersama Polisi Privasi di laman web kami, [www.pruhsn.com.my](http://www.pruhsn.com.my) dan Nota Privasi kami di dalam Boorang Cadangan. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai notis ini, sila hubungi:-  
Pegawai Microtakaful, E-mel: [microtakaful@prubsn.com.my](mailto:microtakaful@prubsn.com.my) | Telefon: 03 2778 2157

Nomination Microtakaful/Version/Versi 2.0/Page/Maklaurat 1 of 2

Nota penting mengenai boorang penamaan PruBSN Microtakaful Jariyah:

- Boorang penamaan disediakan agar penerima pelan PruBSN Microtakaful Jariyah dapat mencadangkan nama waris untuk tujuan pembayaran manfaat kematian sebanyak RM10,000.
- Mengisi boorang penamaan adalah penting bagi:
  - Mempercepatkan proses bayaran tuntutan;
  - Menjamin kelangsungan hidup ahli keluarga;
  - Mengelakkan wang tuntutan tidak dituntut.

iv. Panduan mengisi boorang penamaan PruBSN Microtakaful Jariyah

- Anda boleh merujuk panduan mengisi untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana untuk mengisi boorang penamaan seperti maklumat waris, peratusan pembahagian (%) dan cara mengembalikan boorang penamaan secara pos biasa.

## 7. Apakah itu borang penamaan?

- Borang penamaan adalah dokumen mandatori yang perlu diisi oleh setiap penerima pelan perlindungan PruBSN Microtakaful Jariyah.
- Borang penamaan ini akan memberikan maklumat waris yang dinamakan sebagai penerima wang manfaat jika orang yang dilindungi meninggal dunia

## 8. Dimanakah saya boleh memperolehi borang penamaan?

Borang penamaan dilampirkan sekali bersama-sama surat tawaran. Borang penamaan boleh dimuat turun di laman web kami <https://www.prubsn.com.my/ms/caring-for-society/prubsn-microtakaful-jariyah/>

## 9. Bagaimanakah caranya untuk saya mengisi borang penamaan?

Ikuti langkah-langkah berikut untuk mengisi borang penamaan:

**Langkah 1:** Isi borang penamaan bermula dengan nama orang dilindungi (Person Covered) dan isi no. kad pengenalan.

**Langkah 2:** Seksyen A – Terdapat 2 (dua) kotak kosong yang perlu ditandakan oleh penerima iaitu *Wasi* (Pelaksana) dan *Hibah* (Hadiah). Tandakan salah satu sahaja di ruangan ini.

**Langkah 3:** Seksyen B – Terdapat 2 (dua) kotak butiran penama disediakan. Isikan butiran penama yang ingin dinamakan, anda boleh menamakan satu atau dua penama di ruangan ini. Pastikan penama berumur 18 tahun dan ke atas serta peratusan penamaan genap 100%.

**Langkah 4:** Seksyen C – Anda perlu menurunkan tandatangan dan mengisi butiran seperti nama, no. kad pengenalan dan alamat di ruangan ini.

**Langkah 5:** Seksyen D – Saksi perlu menurunkan tandatangan dan mengisi butiran seperti nama, no. kad pengenalan dan alamat di ruangan ini. Sesiapa sahaja boleh menjadi saksi kecuali penerima dan penama.

## 10. Perlukah saya mengembalikan borang penamaan kepada Prudential BSN Takaful?

Ya, anda perlu mengembalikan borang penamaan yang telah lengkap diisi kepada pihak PruBSN untuk simpanan dan rujukan kami jika berlaku apa-apa perkara seperti laporan tuntutan kematian dan lain-lain.

## 11. Jika saya meninggal pada tarikh diluar tempoh perlindungan, bolehkah waris saya membuat tuntutan MTJ?

Tidak, waris perlu menyemak tarikh kematian orang yang dilindungi sebelum membuat tuntutan kematian PruBSN Microtakaful Jariyah.

## 12. Bagaimanakah caranya untuk saya membuat tuntutan?

Tuntutan kematian boleh dibuat samada:

- a. Memaklumkan terus ke Unit Microtakaful di 03-2778 2157/03-27782 156; atau
- b. ICU JPM negeri (*eKasih*), anda perlu menyemak no. telefon hotline *eKasih* negeri di portal *eKasih* negeri masing-masing.

Waris akan dimaklumkan dokumen-dokumen yang perlu disediakan sebelum tuntutan kematian diproses.

**13. Berapa lamakah tuntutan saya diproses?**

Bayaran tuntutan kematian akan dikreditkan ke akaun pewaris dalam tempoh 7 hari waktu bekerja selepas menerima kesemua dokumen yang diperlukan dengan lengkap. Perlu diingatkan, tempoh bayaran tuntutan kematian mungkin mengambil masa lebih lama sekiranya dokumen atau maklumat yang diterima tidak lengkap. Anda digalakkan untuk menyemak kesemua dokumen dan maklumat sebelum serahan dokumen dibuat bagi melancarkan proses bayaran wang pampasan. Pembayaran tuntutan kematian akan dimaklumkan menerusi SMS.

**14. Bagaimanakah pembayaran tuntutan manfaat dilakukan?**

PruBSN akan memproses bayaran untuk tuntutan yang berjaya dengan mengkreditkan tunai secara terus ke dalam akaun penama seperti yang diberikan. Kami akan memaklumkan kepada penama apabila wang manfaat telah dikreditkan ke akaun mereka.

**15. Bagaimanakah waris saya menerima wang tuntutan kematian?**

Wang tuntutan kematian akan dikreditkan terus ke akaun waris yang dinamakan. Oleh itu, pihak PruBSN akan memaklum dan meminta dokumen-dokumen seperti akaun bank waris untuk proses pembayaran wang tuntutan kematian.

**16. Apakah manfaat yang diberikan menerusi skim MTJ ini merangkumi faedah kesihatan dan kemalangan?**

Tidak, skim PruBSN Microtakaful Jariah hanya menawarkan perlindungan takaful percuma bertempoh 1 tahun untuk manfaat kematian sebanyak RM10,000 atas semua sebab kematian (kecuali bunuh diri) dalam tempoh perlindungan.

**17. Siapakah pengendali skim MTJ?**

Skim ini dikendalikan oleh Prudential BSN Takaful Berhad, yang merupakan sebuah pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

**18. Adakah skim ini patuh Syariah?**

Ya, PruBSN Microtakaful Jariah ialah skim patuh-Syariah kerana produk ini adalah produk takaful yang diuruskan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

**19. Adakah skim ini perlu dibayar?**

Tiada bayaran dikenakan. PruBSN Microtakaful Jariah diberikan secara percuma kepada penerima yang terpilih.

**20. Dimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut mengenai MTJ?**

- Maklumat lanjut, anda boleh layari laman sesawang Prudential BSN Takaful berhad di bawah pautan <https://www.prubsn.com.my/ms/caring-for-society/prubsn-microtakaful-jariah/>
- Bagi penerima MTJ, anda boleh menyemak tempoh perlindungan, butiran manfaat, status tuntutan dan lain-lain melalui hotline Microtakaful di talian 03-2778 2157 yang beroperasi 8.30 pagi – 5:15 petang (hari bekerja).